

25/01/2000

Wanita Pulau Pinang sokong Dr M, Abdullah

GEORGETOWN, Isnin - Pergerakan Wanita Umno Pulau Pinang berikrar memberi sokongan penuh kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai timbalannya, jika berlaku pertandingan bagi dua jawatan itu.

Ketuanya, Saripah Aminah Syed Mohd berkata, pergerakan itu menyokong kedua-dua jawatan itu tidak dipertandingkan seperti yang dicadangkan oleh Majlis Tertinggi (MT) Umno, baru-baru ini.

Bagaimanapun, katanya, jika masih berlaku pertandingan dan ada sesiapa yang mahu merebut jawatan berkenaan, pergerakan wanita Umno Pulau Pinang akan memberikan sokongan mereka kepada Dr Mahathir dan Abdullah.

"Kita (pergerakan wanita negeri) menyokong penuh kepemimpinan Dr Mahathir dan Abdullah," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat pergerakan itu di Menara Umno, di Jalan Maclister, di sini hari ini.

Sembilan daripada 11 ketua wanita Umno bahagian hadir dalam mesyuarat bulanan pergerakan itu hari ini. Dua ketua wanita bahagian dari Bukit Mertajam dan Nibong Tebal tidak hadir tetapi memberi persetujuan terhadap sebarang keputusan yang diambil dalam mesyuarat itu.

Sementara itu, mengenai kemungkinan berlaku pertandingan antara Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman dan ahli MT, Datuk Seri Rafidah Aziz, beliau berkata, pergerakan itu menyerahkan kepada perwakilan untuk menentukan siapa yang mereka akan memberikan sokongan.

"Saya tidak mahu mengeluarkan sebarang keputusan bagi pihak pergerakan wanita Umno negeri tetapi menyerahkan keputusan kepada perwakilan mengenai siapa yang mereka akan sokong sama ada Zaharah atau Rafidah jika ada pertandingan.

"Itu adalah keputusan mesyuarat hari ini, pergerakan tidak mahu memberi sokongan kepada sesiapa yang bertanding untuk merebut jawatan itu, tetapi menyerahkan kepada perwakilan wanita bahagian masing-masing menentukannya," katanya.

Menurutnya, jika beliau membuat keputusan menyokong seseorang calon kemungkinan ada bahagian yang tidak menyetujui dan mengatakan itu bukan keputusan atas persetujuan semua.

"Oleh itu, saya rasa lebih baik semua 44 perwakilan wanita dari 11 bahagian di negeri ini yang dipilih menghadiri perhimpunan itu Mei ini membuat keputusan mereka sendiri," katanya.

Bagaimanapun, katanya, pertandingan akan diadakan dalam tempoh empat bulan lagi dan pelbagai perkara boleh berlaku oleh itu yang lebih penting ketika ini adalah untuk memperkuatkan parti.

(END)